

**NO. SOALAN: 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[KINABATANGAN ]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7110**

**SOALAN:**

Datuk Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) tindakan undang-undang yang diambil terhadap pertubuhan tidak berdaftar seperti Pasukan Peronda Sukarela (PPS) di Pulau Pinang; dan
- (b) tindakan undang-undang yang diambil terhadap kumpulan yang menghasut dan menyebarkan ceramah untuk memisahkan Sabah dari Malaysia.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] memperuntukkan bahawa mana-mana pertubuhan yang ingin bergerak secara sah perlulah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). Kegagalan mana-mana pertubuhan untuk berbuat demikian akan menyebabkan mereka berdepan dengan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 6 (3) iaitu, “Sesiapa yang melakukan perlanggaran terhadap Seksyen 6 (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit, dan jika perlanggaran itu adalah suatu perlanggaran yang berlanjutan, maka orang itu bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari perlanggaran itu dilanjutkan selepas hari yang pertama”.**

**Peruntukan di bawah Seksyen 2 Akta yang sama pula ada menyebut bahawa sekumpulan tujuh (7) orang atau lebih adalah memenuhi tafsiran sebagai sebuah pertubuhan tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal dan sewajarnya mengambil tindakan untuk membuat permohonan pendaftaran pertubuhan.**

**Berhubung dengan status Pasukan Peronda Sukarela (PPS) Pulau Pinang pula, rekod Kementerian menunjukkan bahawa PPS tidak pernah momohon untuk didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335]. Sehubungan dengan itu, bagi perkara-perkara berkaitan PPS Pulau Pinang, Kementerian ini tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci perkara tersebut kerana dikhuatiri akan mengganggu siasatan pihak polis dan JPPM yang sedang berjalan.**

**Pada masa yang sama, Kerajaan sentiasa memantau aktiviti-aktiviti pertubuhan yang terdapat di negara ini supaya ianya tidak menyalahi undang-undang. Kerajaan memantau aktiviti sebenar pertubuhan yang berdaftar berdasarkan Undang-Undang Tubuh Pertubuhan yang didaftarkan serta melalui Penyata Tahunan yang dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan. Bagi pertubuhan-pertubuhan yang tidak berdaftar pula, Kerajaan mendapat laporan berkenaan aktiviti pertubuhan tersebut berdasarkan laporan polis, aduan awam, media massa dan sebagainya.**

**Bagi menjawab soalan (b) mengenai tindakan terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab yang menghasut dan menyebarkan ceramah untuk mengeluarkan Sabah dari Malaysia, pihak Kerajaan memandang serius tentang isu ini yang boleh menjaskan perpaduan dan juga keharmonian Negara. Kerajaan melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah bertindak dengan menyiasat pihak yang tidak bertanggungjawab**

**menyebarluaskan maklumat-maklumat dan menghasut rakyat terutamanya di Sabah dan Sarawak agar keluar dari Malaysia. Kumpulan ini telah bergerak dengan aktif dilaman-laman sosial bagi menghasut masyarakat dengan fakta-fakta yang tidak benar dan tidak sahih.**